ڤجابة ڤڠاره تانه دان ݢالين، ترڠݢانو.
PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN,
TERENGGANU,
TINGKAT 11, WISMA DARUL IMAN,
20200 KUALA TERENGGANU,
TERENGGANU.

Telefon: 09-631957 samb. 2308/2310
Fax : 09-634278

32

PTG.TR. G/05/1988/06/02 -(32)

Bertarikh: 9 Mac 1993
Bersamaan: 15 Ramadhan 1413

Pentadbir Tanah Kuala Terengganu.
Pentadbir Tanah Besut.
Pentadbir Tanah Dungun.
Pentadbir Tanah Hulu Terengganu.
Pentadbir Tanah Kemaman.
Pentadbir Tanah Marang.
Pentadbir Tanah Setiu.

Tuan,

**ARAHAN PENGARAH TANAH DAN GALIAN, TERENGGANU BIL. 1/1993.**
**Kesan Maraan Laut.**

Sebagaimana diperuntukan di bawah seksyen 49 Kanun Tanah Negara.

> "Jika pinggir laut atau dasar mana-mana sungai mara sehingga mengaut mana-mana tanah berimilik, kawasan yang terlibat oleh perkautan itu hendaklah pada ketika itu terhenti dari menjadi sebahagian daripada tanah itu, dan hendaklah menjadi tanah kerajaan; tetapi sempadan tanah berimilik itu hendaklah (kecuali dalam keadaan-keadaan yang disebutkan dalam perenggan (ii) proviso seksyen kecil (2) seksyen 353) terlibat oleh mundurnya pinggir-laut atau dasar mana-mana sungai."

2. Hakisan khususnya di tepi-tepi pantai dan sungai berlaku di beberapa tempat di negeri ini. Pada masa yang sama pembangunan berjalan dengan pesatnya termasuk juga di kawasan-kawasan yang terlibat dengan hakisan ini. Dengan berlakunya penyedupan pasir daripada laut ke darat mungkin tanah milikan yang satu masa dahulu ditenggelami air kini balik menjadi daratan. Yang menjalankan pemeliharaan/penambakan pantai ini adalah kerajaan.

3. Untuk mengelakan kerajaan mengeluarkan banyak wang ringgit yang akan dinikmati faedah oleh segelintir tuan-tuan tanah sahaja, Pentadbir Tanah dikehendaki mengaturkan pengukuran semula tanah-tanah milikan jika ada sebelum kerja-kerja pemeliharaan/penambakan pantai ini dijalankan.

Sekian.

Dihantar pada - 9 MAR 1993

Tandatangan ....................
Kerani Kaunter/Despatch
Pejabat Pengarah Tanah
& Galian Trg.

..2/-

BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,

(DATO' NIK MOHD KHALID BIN KAMIL)
Pengarah Tanah dan Galian,
Terengganu.

s.k.

Pengarah.
Jabatan Kerja Raya Negeri,
Terengganu.

Pengarah,
Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri,
Terengganu.

- Pentabir Tanah hendaklah dihubungi sebelum penambakan pantai dilakukan supaya maksud arahan di atas dapat dilaksanakan.

DNMK/amy
arahan1/dis1